

✓ Penduduk Kampung Parit Stan diseru ketepikan perasaan marah meluap2

# Suburkan semula semangat berjiran

PENDUDUK-penduduk Kampung Parit Stan hari ini diseru menghidupkan semula semangat berjiran untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Perasaan marah dan emosi yang meluap-luap serta ingin membalas dendam hendaklah diketepikan, kata Pegawai Daerah Pontian, Encik Lokman bin Thany.

Bellau berucap demikian di majlis perjumpaan dengan masyarakat Kampung Parit Stan di mana kejadian amuk yang mengorbankan enam jiwa serta mencederakan 30 yang lain berlaku minggu lalu.

Ahli Parlimen Pontian, Haji Ikhwan Nasir pula dalam ucapannya memberitahu, tragedi amuk yang berlaku itu tidak ada kena mengena dengan soal pembangunan di kampung itu.

Haji Ikhwan selanjutnya memberitahu dari

## PONTIAN, Isnin

derma-derma yang diterima, seluruh negara bersimpati dengan tragedi tersebut.

Bellau akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merundingkan bantuan yang patut diberi.

Haji Ikhwan juga menyeru semua akhbar di negara ini menubuhkan tabung derma masing-masing bagi membantu keluarga mangsa-mangsa yang terlibat.

Terdahulu dari itu, beberapa persatuan dan orang perseorangan telah menyumbangkan derma masing-masing.

Antaranya, UMNO Cawangan Kampung Tampok Laut, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Majlis Bella Daerah Pontian sementara orang perseorangan terdiri dari Haji Ikhwan sendiri yang telah menyumbangkan sejumlah peruntukan yang masih belum diketahui banyaknya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Jalal Abu Bakar \$1,080, Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh \$1,000, dan Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Taib Mahmud \$300.

Lebih kurang 100 orang penduduk Kampung Parit Stan hadir di majlis itu.

Turut hadir ialah Ahli Exco Negeri, Datuk Abdullah Haji Sudin, Datuk Haji Ahmad Palman Wakil Rakyat Rengit, dan Wakil Rakyat Benut Datuk Jalok bin Daing Malibok.

Majlis itu diadakan di Sekolah Kebangsaan Seri Semangat Parit Stan, Benut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia